

Malam Penghargaan Kelab Debat Bahasa Melayu UMS

UB 13/4/11 154

KELAB Debat Bahasa Melayu, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Malam Penghargaan Debat 2011 untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada pendebat-pendebat Bahasa Melayu yang telah banyak memberikan sumbangan dan pencapaian yang memberangsangkan pada sesi 2010/2011.

Majlis itu telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof Madya Dr Hj Kassim Hj Md Mansur, di Laman Graduan, Dewan Canselor UMS pada 8 April lalu.

Turut hadir Penasihat

Kelab Debat Bahasa Melayu, Rohani Hadi, penyelar program, Jass Azliezan Jasili, pegawai-pegawai Hal Ehwal Pelajar dan dua orang hakim kelas tertinggi MADUM iaitu Dr Ramzah Dambul dan Dr Yasmin Ooi.

Dalam ucapannya, Dr Kassim melahirkan rasa bangga kerana pendebat UMS telah banyak mengharumkan dan mengangkat nama UMS di persada debat sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Katanya, beliau akan terus memberikan sokongan dan dorongan meningkatkan lagi mutu pencapaian pendebat dalam arena perdebatan.

Pada majlis itu, pendebat tahun akhir yang mencapai PNGK sebanyak 3.63, Aszlan Selamat telah memenangi Anugerah Pendebat Cemerlang Akademik, Anugerah Pendebat Harapan diberikan kepada pendebat UMS tahun pertama yang berpotensi dan mencapai kejayaan dalam pertandingan debat anjuran UMS iaitu Shabudin Beddu.

Anugerah Pendebat Gemilang pula disandang oleh Jufazli Shi Ahmad yang telah menempah nama dalam arena Debat Intervarsity dan mendapat 43 kali pengiktirafan pendebat terbaik sepanjang dua tahun melibatkan diri dalam

pertandingan itu.

Dr Kassim turut menyerahkan replika cek kepada pasukan Debat Bahasa Melayu UMS sebanyak RM2,000 kerana telah berjaya menduduki tempat ke-3 sempena Debat Integriti yang diadakan di Universiti Utara Malaysia yang melibatkan seluruh IPT dan IPG baru-baru ini.

Kejayaan ini telah menjulang nama UMS sebagai salah sebuah pasukan debat yang digeruni oleh pihak lawan.

Majlis pada malam itu diakhiri oleh persembahan nyanyian daripada artis realiti TV Rosyam Nor (Pilih Kasih 1) iaitu Zara Suriana.